

Kegiatan KMM

UM 2 6 AUG 2001

IPOH 25 Ogos Kerajaan sedang mengumpul maklumat berhubung kegiatan kumpulan militan KMM dan akan mendedahkan kepada masyarakat bagi menangkis tohmahan pembangkang bahawa ia adalah satu sandiwara politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan perlu menerangkan kepada orang ramai supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakyah pembangkang itu.

"(Tetapi) Kita adalah masalah baru, kerana kes ini (KMM) akan disebut di mahkamah dan kita tidak mahu prejudis terhadap perbicaraan itu.

"Bagaimanapun pada masa yang sama parti lawan guna ini untuk tuduh ia sebagai satu sandiwara kerajaan, jadi kerajaan ini dah sandiwara sehingga polis boleh benarkan orang tembak mati orang," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas berucap di hadapan lebih 5,000 pemimpin pelajar sekolah menengah dari seluruh negara di dalam Perhimpunan Patriotik 2001 di Stadium Indera Mulia, di sini, hari ini.

Perhimpunan yang julung kali diadakan itu antara lain bertujuan menyemai rasa cinta pada tanah air supaya dapat

menghargai dan mempertahankan kemerdekaan, selain untuk meningkatkan rasa muhibah di kalangan pemimpin pelajar berbilang kaum.

"Saya fikir parti lawan tidak bertanggungjawab, kalau mereka takut kerana parti mereka terlibat secara tidak langsung, mereka harus buat pendirian bahawa ia bukan dasar parti mereka dan ia adalah tindakan individu seperti anak (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat), Nik Adli, yang tiada kaitan dengan parti," kata Dr. Mahathir.

Kata beliau, kerajaan kini dalam keadaan serba salah kerana jikalau

akan dibongkar

perkara itu tidak dijelaskan kepada rakyat, akan timbul saia-tanggapan dan rakyat tidak akan mempercayai kerajaan.

Pada masa sama, katanya, kerajaan juga berdepan dengan undang-undang negara yang ketat yang tidak membenarkan fakta berhubung kes yang sedang dalam perbicaraan dibincang secara terbuka bagi mengelakkan prejudis.

"Undang-undang negara kita lebih ketat dari negara lain, negara lain kes sedang berjalan boleh dibicara dalam akhbar contohnya macam kes O.J Simpson, ketika dia dibicara oleh mah-

kamah, pada masa yang sama dia turut dibicarakan oleh media," jelas Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, kata beliau, kerajaan perlu berhati-hari dalam memberi penerangan kepada rakyat, memandangkan rakyat berada di dalam keadaan tertanya-tanya dan ingin tahu apakah yang sebenarnya berlaku.

"Kita akan kumpul semua maklumat dan yang difikirkan sesuai akan didedahkan," kata Perdana Menteri.